

UNTUK SIARAN SEGERA



LBS MEMPERKUKUH KESEJAHTERAAN KOMUNITI DENGAN PEMBINAAN SURAU AL-AMIN DI BRINCHANG, CAMERON HIGHLANDS

CAMERON HIGHLANDS, 13 Mac 2025 – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), pemaju harta tanah terkemuka pilihan rakyat, LBS melakar satu lagi pencapaian penting dengan perasmian Surau Al-Amin di IPD Brinchang, Cameron Highlands. Majlis perasmian ini telah diserikan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah, Sultan Pahang, yang turut berkenan merasmikan majlis dengan diiringi Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Tengku Mahkota Pahang.

Turut hadir menyerikan majlis, YDH Tan Sri Razarudin Husain, Ketua Polis Negara, YBhg Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail, Menteri Besar Pahang, serta YBhg Dato' Seri Daniel Lim, Pengarah Eksekutif LBS, yang mewakili LBS di majlis bersejarah ini, selain dari dif-dif kenamaan jemputan dari Pahang dan PDRM.

Penyempurnaan Surau Al-Amin mencerminkan komitmen teguh LBS dalam memperkasa kesejahteraan masyarakat serta tanggungjawab sosial korporat. Surau ini terletak di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cameron Centrum, Cameron Highlands, akan memberi manfaat kepada kira-kira 97,000 penduduk dan pengunjung dengan kemudahan sebuah rumah ibadat yang selesa dan serba lengkap.

Pembinaan surau ini dibiayai menerusi dana terbitan *ASEAN Social SRI Sukuk Wakalah* oleh LBS. Inisiatif ini mencerminkan komitmen Kumpulan dalam menyumbang impak positif kepada masyarakat. ASEAN Social SRI Sukuk Wakalah merupakan sebuah instrumen kewangan patuh syariah yang bertujuan menyokong inisiatif berorientasikan manfaat sosial, sejajar dengan matlamat LBS untuk pembangunan yang bertanggungjawab dan inklusif. Bermula dari majlis pecah tanah pada 4 Mac 2023, surau yang menelan belanja lebih kurang RM 5 juta ini telah berjaya disiapkan dalam tempoh dua tahun, menjadikannya satu lagi pencapaian penting dalam usaha berterusan LBS untuk membangunkan komuniti yang holistik dan sejahtera.

Selain itu, LBS turut bermurah hati menaja majlis perasmian yang menelan belanja sebanyak RM100, 000 membuktikan komitmen kukuh yang menyokong inisiatif kemasyarakatan.

Berkeluasan 6,016 kaki persegi di atas tanah seluas satu ekar, Surau Al-Amin mampu menampung 200 jemaah dan direka khas untuk memenuhi keperluan komuniti Muslim setempat serta pelancong. Ia dilengkapi dengan pelbagai kemudahan moden, antaranya:

- Sebuah bilik AV untuk interaksi yang dinamik
- Sebuah bilik khas untuk imam
- Ruang wuduk dan tandas berasingan bagi lelaki dan wanita
- Satu laman terbuka untuk menggalakkan perhimpunan komuniti
- Sebuah bilik jenazah untuk kemudahan pengurusan jenazah
- Sebuah bilik mesyuarat bagi perbincangan dan aktiviti masyarakat
- Satu dapur dan ruang makan yang lengkap
- Kemudahan tempat letak van jenazah
- 62 petak parkir termasuk dua untuk Orang Kurang Upaya (OKU) serta 15 petak motosikal

Tan Sri Dato' Sri Ir (Dr) Lim Hock San, Pengurus Eksekutif Kumpulan LBS, menzahirkan penghargaan di atas keberangkatan Sultan Pahang dan Tengku Mahkota Pahang ke majlis perasmian ini serta menekankan kepentingan surau tersebut kepada masyarakat:

“Kami amat berbesar hati atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan Kebawah Duli Tengku Mahkota Pahang dalam majlis yang bersejarah ini. Penyempurnaan Surau Al-Amin bukan sekadar pembangunan infrastruktur, tetapi simbol perpaduan dan pemerkasaan kerohanian dalam komuniti. Surau ini bukan hanya tempat beribadat, tetapi juga pusat refleksi, hubungan silaturahim, dan kebersamaan. LBS berharap surau ini akan menjadi mercu tanda keteguhan dan kesejahteraan yang berpanjangan, memberi manfaat kepada generasi kini dan akan datang.”

Sebagai pemaju harta tanah yang komited kepada pembangunan yang bermatlamat, LBS terus menerajui inisiatif yang mempromosikan inklusiviti, kemampamanan, dan kesejahteraan masyarakat. Perasmian Surau Al-Amin ini mencerminkan misi LBS dalam mewujudkan ruang yang turut memperkayakan kehidupan serta mengukuhkan hubungan sosial dalam komuniti.

Dengan pencapaian ini, LBS sekali lagi mempamerkan komitmennya terhadap tanggungjawab sosial korporat, memastikan setiap pembangunan yang dilaksanakan bukan sekadar membina kediaman, tetapi turut menyemai keharmonian dan kesejahteraan dalam komuniti.

~Tamat~